

THE TITAN

richworks.com/thetitan

RICHWORKS®

Di Sini Lahirnya
Usahawan Jutawan

1 JANUARI 2023 | BIL: 40
www.richworks.com

Industry View
CABARAN
2023

MERANTI MARSHAL

PERABOT MODEN, KEMASAN HALUS & PRAKTIKAL



BERGAJI RM1500, PELAJARI SYARIKAT WARISAN KELUARGA

Pulau Carey yang dahulu dikenali Pulau Meranti terkenal sebagai salah sebuah tempat menarik di Selangor.

Sempena nama tersebut, syarikat pengeluar perabot ini dinamakan, Meranti Furniture Sdn. Bhd. pada 1989.

Meranti Furniture memiliki ruang pameran serta kilang di Bandar Baru Bangi dan Olak Lempit.

Syarikat ini bukan hanya memasarkan perabot sahaja malah menyediakan perkhidmatan reka bentuk hiasan dalaman untuk memenuhi permintaan dan keperluan pengguna.

BERMULA SEBAGAI AKAUNTAN SYARIKAT

Pengurus Besar Meranti Furniture Sdn. Bhd., Umar Md. Pishal memulakan kerjaya di syarikat milik ibu bapanya sebagai akauntan dengan gaji RM1,500.

"My parents, memang sangat tekankan bermula dari bawah supaya saya faham erti membangunkan sebuah syarikat.



Jadi dekat situ saya belajar sedikit demi sedikit. Saya bersyukur ada ijazah perakaunan dari Universiti Islam Antarabangsa (UIAM)," kongsinya.

Dari situ, beliau mula belajar selok-belok menguruskan syarikat.

"Saya dapat tahu perjalanan syarikat, pembelian, barang-barang yang digunakan termasuk kepuasan pelanggan," kata anak kedua daripada tiga beradik ini.

AMBANG TERTEKAN

Umar juga tak terkecuali merasai kesan akibat pandemik Covid-19.



“Saya di ambang rasa tekanan, di mana waktu Covid-19 terutamanya menyebabkan kita rasa stres dan tak tahu apa nak buat.

“Ada program RichWorks keluar dalam email saya. Dan program tu free pula, jadi 1,000 yang terawal. Jadi why not saya cuba, benda pun free. Tak rugi.

“Saya tengok penyampaian Mentor Usahawan, Datuk Wira Dr. Azizan Osman sangat organise. Saya sangat tertarik dengan pencapaian yang dicapai oleh ahli Titanium. Memang sangat amazing,” katanya.

Sebelum itu, beliau pernah mengikuti program anjuran RichWorks di Johor.

“Saya pun tak ingat tahun bila, sesi pendek setengah jam, tapi masa tu pun saya dapat input,” katanya lagi.

Akhirnya, beliau mengambil keputusan

menyertai program mentoring Spire selama sebulan dan seterusnya ke Titan pada Oktober tahun lalu.

CABARAN SENIOR

Sokongan mentor memudahkan Umar berdepan dengan pihak pengurusan lebih senior apabila melangkah masuk ke syarikat bapanya.

Katanya, mentor dapat memberikan bimbingan, solusi dan tunjuk ajar untuk berdepan situasi sedemikian.

“Sebagai pelapis syarikat kadang-kadang kita ada kekurangan, jadi bila belajar dapat tambah ilmu dan kekuatan diri..

“Bila masuk mesyuarat kita tenang, meskipun ada yang melakukan provokasi pun boleh tangani dengan baik,” ujarnya.



ONE STOP SOLUTION

Umar menyifatkan program pementoran Titanium itu sebagai one stop solution apabila turut merangkumi pelbagai aspek penting

“
SAYA TENGOK PENYAMPAIAN
MENTOR USAHAWAN,
DATUK WIRA DR. AZIZAN
OSMAN SANGAT ORGANISE.
SAYA SANGAT TERTARIK
DENGAN PENCAPAIAN
YANG DICAPAI OLEH AHLI
TITANIUM. MEMANG SANGAT
AMAZING.”.

keusahawanan, termasuk aspek agama dan kerohanian.

Kongsinya lagi, beliau mengemari sesi pagi bersama Ustaz Umar Abdul Aziz, selain bacaan ratib Al-Attas dan sesi soal jawab agama.






"Kadang-kadang kita keliru dengan soal fekah, contoh macam isu solat jamak dan qasar. Kadang-kadang lelaki malu nak tanya pasal haid."

"Bagi saya Titanium ini merangkumi semua aspek bukan setakat perniagaan tapi kerohanian dan juga agama."

"Saya rasa tak pernah lagi coaching yang lain memberikan one stop solutions kepada peserta. Very recommended," ujarnya.





PENCAPAIAN

Kira-kira 10 bulan menyertai Titanium, banyak aspek yang dilihat semakin bertambah baik.

"Nampak tambah baik yang ketara dan jenama Meranti Marshal juga lebih menyerlah bila kita belajar pemasaran digital.

"Sebelum ini kita memang fokus pada government tender sahaja. Jadi sekarang saya open kepada business-to-business (B2B) dan business-to-consumer (B2C)," jelasnya.

Pada 2021, Meranti Furniture berjaya mencatat jualan RM25 juta dan mensasarkan RM30 juta tahun ini.

Bagi yang berminat untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang produk Meranti Furniture, anda boleh layari laman web www.merantifurniture.com.

3

NASIHAT

Umar Md. Pishal



PERTAMA, hormat orang dan sentiasa betulkan diri.

"Kadang-kadang kita dah terbiasa dengan cara yang lama, di mana selalunya bos selalu always right.

Sebenarnya konsep itu kita perlu ubah, kita jadi leader yang baik. Ada perbezaan antara leader dan juga boss. Leader ni lebih kepada WE, kalau boss ni lebih kepada I," jelasnya.

KEDUA, abaikan tomahan, tunjuk dengan results.

"Bila kita dah masuk baru kita tahu berlainan daripada dakyah di luar mengenai Dr. Azizan dan RichWorks.

"Tomahan-tomahan tu kita abaikan sahaja. Tapi kita tunjukan dengan results," katanya.

KETIGA, bermula mesti ada mentor.

"Pesanan saya, kita wajib ada mentor. Sebab mentor ini membimbang dan memberi solusi beri yang sangat best.

"Sebagai owner dan saya sebagai pelapis, kadang-kadang kita ada kekurangan jadi bila kita belajar kita top up dan tambah kekuatan kita. Kurang nampak kelemahan kita itu," nasihat Umar mengakhiri perbualan.❶



CABARAN 2023

Malaysia bakal berdepan banyak cabaran bermula pada suku keempat tahun ini dan berlarutan sehingga 2023 ekoran beberapa isu luaran yang akan memberi kesan kepada pertumbuhan serta pemulihan ekonomi negara.

Bekas Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz berkata, antara cabaran yang akan dihadapi Malaysia termasuk perang yang berterusan di Ukraine, prinsip COVID-sifar China (akan buka sempadan 8 Januari 2023) serta pendekatan Rizab Persekutuan (Fed) Amerika Syarikat (AS) menaikkan kadar faedah bagi menangani inflasi dan gangguan rantai bekalan.

Sementara itu, memetik kenyataan akhbar The Malaysian Reserve, ekonomi dunia menuju kemelesetan pada 2023.

Menurut Ketua Pengarah Pusat Penyelidikan Ekonomi dan Perniagaan, Kay Daniel Neufeld, dunia menghadapi kemelesetan pada 2023 kerana kos pinjaman yang lebih tinggi bertujuan menangani inflasi menyebabkan beberapa ekonomi menguncup.

"Kemungkinan ekonomi dunia akan menghadapi kemelesetan pada 2023 akibat daripada kenaikan kadar faedah sebagai tindak balas kepada inflasi yang lebih tinggi," katanya.



Pada perkembangan sama, perunding British dalam Jadual Liga Ekonomi Dunia tahunannya berkata, ekonomi global melepas \$100 trillion buat kali pertama pada 2022 tetapi akan terhenti pada 2023 apabila penggubal dasar meneruskan perjuangan mereka menentang kenaikan harga.

PEMASARAN DIGITAL

Pemasaran diperbadikan, penggunaan lanjutan multimedia dan penerokaan saluran digital baharu kekal sebagai strategi pemasaran kandungan teratas.

Walau bagaimanapun, pemasar mungkin menghadapi cabaran unik pada 2023 yang akan mengubah cara mendekati pemasaran digital.

BERIKUT 3 STRATEGI DALAM PEMASARAN DIGITAL:

1. Kumpul data pihak pertama

Data pihak pertama mungkin akan menjadi sumber maklumat yang paling berharga pada tahun ini.

Daripada membeli maklumat dari syarikat luar, bergantung pada aset anda sendiri untuk mengumpulkan data pelanggan jauh lebih baik.

Menurut tinjauan Gartner, 79% pengguna mahukan lebih kawalan ke atas maklumat peribadi mereka dan penggunaannya.

Anda akan mendapat manfaat daripada menghormati privasi pelanggan dan beralih kepada data pihak pertama dan bukannya menggunakan data luar.

2. Pemasaran emel dan mesej teks

Pemasaran emel dan mesej teks ialah dua sumber data pihak pertama yang paling berharga.

Melalui saluran pemasaran ini, anda boleh menyasarkan pelanggan dan segmen tertentu.

Contohnya, anda boleh membahagikan senarai emel mengikut lokasi dan menghantar promosi khusus lokasi kepada pelanggan.

Menurut penyelidikan oleh eMarketer, kebanyaknya pengguna memilih e-mel yang diperibadikan berdasarkan gelagat seperti sejarah pembelian.

Kemudian, anda boleh menjadikan pelanggan yang membuka emel dan mesej teks serta cara mereka bertindak balas terhadap kandungan tersebut.

Data ini akan membolehkan anda menyesuaikan pemasaran kepada pelanggan semasa berdasarkan gelagat, seperti cara mereka bertindak balas terhadap promosi tertentu.

3. Bekerjasama dengan duta jenama dan pengaruh

Duta jenama dan pengaruh berkemungkinan akan memainkan peranan penting pada 2023 kerana syarikat terus mencari cara kreatif untuk menjangkau khalayak sasaran.

Pada 2022, lebih daripada 75% pemasar jenama merancang untuk membuat belanjawan untuk pemasaran influencer. Anda boleh memilih influencer dengan khalayak khusus untuk membantu mencapai pasaran sasaran.

MEDIA SOSIAL

Media sosial antara medium yang pantas berubah. Namun, sebagai bangsa usahawan anda tidak seharusnya tertinggal dalam 'game' ini. Lebih-lebih lagi, jika anda mahu menawan hati generasi muda.

1. TikTok

Menurut data dari Hootsuite, TikTok dijangka akan terus mendominasi media sosial.

TikTok kini bukan sekadar medium sosial media dan pemasaran semata-mata, tetapi berusaha untuk menjadi platform media sosial nombor satu.

Ini dibuktikan dengan inovasi yang dibangunkan TikTok. Contohnya, sebelum ini video pendek melibatkan jangkamasa 15 saat kini turut menawarkan video berdurasi 10 minit.

Menurut Hootsuite, TikTok melakukan perubahan tersebut atas dasar YouTube sebagai pesaingnya.



2. Instagram

Instagram masih menjadi platform media sosial yang perlu digunakan kerana memiliki pengguna aktif harian sebanyak 1.5 bilion.

Dalam pada itu, 62% pengguna menjalankan penyelidikan jenama dan produk di Instagram sebelum keputusan membeli sesuatu produk dimuktamadkan.

Menurut Hootsuite, Instagram diramalkan masih mengutamakan kandungan berasaskan video.

Reels yang bergantung pada algoritma pengguna membuka peluang kepada sesiapa sahaja untuk mendapatkan khalayak yang lebih luas.

Sehubungan itu, pastikan anda memahami perbezaan antara video yang malar segar (jangka panjang) dan video yang mengikut arah aliran (jangka pendek).

Ini akan membantu anda membangunkan strategi Reels yang betul.

3. LinkedIn

Media sosial ini cukup popular di kalangan pencari kerja.

Walaupun ciri-cirinya adalah media sosial profesional, kini LinkedIn juga tidak dapat dipisahkan daripada kandungan yang dianggap terlalu peribadi.

Walau bagaimanapun, kandungan seperti ini juga boleh diuruskan untuk menjadi lebih profesional dan memberi impak yang baik kepada syarikat dan individu.

PERSEDIAN

Bersiap sedia untuk 2023 ini dengan strategi yang akan melengkapkan anda dengan data pihak pertama dan menyediakan anda untuk menjangkau pelanggan anda dengan cara baharu.

Adakah perniagaan anda bersedia untuk berubah dengan situasi semasa ini?

Mentor Usahawan, Datuk Wira Dr. Azizan Osman sering mengingatkan anak didiknya, 80% kejayaan datangnya daripada persedian.

Selamat menempuh tahun baru 2023. Semoga lebih banyak kejayaan untuk kita semua. 🎉



Kejayaan Bisnes & Wang 2023



Mentor Usahawan
DATUK WIRA
DR. AZIZAN OSMAN

NAK-UBAH HIDUP

4 - 6 FEBRUARI 2023
Setia City Convention Centre (SCCC)

www.NakUbahHidup.com



MILLIONAIRE MARKETING MASTERCLASS

NOV 2022 - FEB 2023

richworks.com/mmm



Best+

Business
Evaluation
Success
Transformation



BISNES CHECK-UP:

- Duit koyak!
- Bisnes sakit
- Perniagaan sendiri tapi tak ada gaji
- Buat bisnes lagi tak ada masa, lebih baik bekerja!
- Sales macam banyak tapi tak tahu pergi mana
- Staf ramai tapi macam semua kena buat sendiri

<https://richworks.com/best>

PLATFORM ZOOM

E-MAGAZINE UNTUK BANGSA USAHAWAN

richworks.com/thetitan

RICHWORKS®
ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

THE **TITAN**

PENAFIAN : NASIHAT YANG DIBERIKAN DALAM MAJALAH INI MERUPAKAN NASIHAT SECARA AM. IA DISEDIAKAN TANPA MENGAMBIL KIRA OBJKTIF, SITUASI KEWANGAN ATAU KEPERLUAN ANDA. SEBELUM MELAKUKAN TINDAKAN, ANDA PERLU MENILAI KESESUAIAN NASIHAT DIBERIKAN MENGIKUT SITUASI & KEPERLUAN MASING-MASING.